

Newspaper	Sinar Harian
Date	13/10/2012

Nelayan gembira terima enjin baru

Sinar Harian 13/10/12

PENAGA - Hasrat seorang nelayan untuk memiliki enjin bot baru selama ini, akhirnya tertunai apabila Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) menyumbang sebuah enjin bot di bawah Projek Peningkatan Pendapatan melalui Program Jom Pi Bantu.

Rosli Man, 47, berkata, pendapatannya sebagai nelayan tidak selumayan rakan lain kerana enjin botnya sering rosak menyebabkan

aktiviti hariannya ke laut terbatas sejak dua tahun lalu.

Namun semalam, katanya, hatinya gembira apabila hasrat ingin mempunyai enjin baru yang selama ini terpendam tertunai.

"Saya bersyukur sangat kerana hasrat saya itu akhirnya dipenuhi juga melalui sumbangan daripada Perda yang diterima hari ini.

"Saya yakin dan percaya enjin baru ini akan membantu menambah

pendapatan kami sekeluarga," katanya menerima sumbangan enjin RM6,700 daripada Ahli Parlimen Kepala Batas, Tun Abdullah Ahmad Badawi di pekarangan rumahnya di Kampung Sri Pantai di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Perda, Datuk Azhar Ibrahim; Pengurus Besar Perda, Saringat Hassan dan pemimpin tempatan lain.

Rosli, yang menjadi nelayan sejak lebih 15 tahun berkata, dia tidak mampu membeli enjin baru kerana pendapatan hasil nelayannya habis digunakan untuk mengubati kos dua anaknya yang terlantar mengidap penyakit sawan sejak mereka lahir.

"Saya juga terpaksa menanggung kos persekolahan dan keseluruhan belanja rumah yang mencecah RM1,000 sebulan," katanya.

Sementara itu, Tun Abdullah berkata, Rosli harus berterima kasih kepada Perda kerana terpilih sebagai penerima peralatan di bawah program berkenaan.

"Gunakan enjin ini sebaik mungkin kerana ianya berupaya memudahkan dan meringankan tugasnya sebagai nelayan untuk mencari pendapatan.

"Injin ini hendaklah dijaga dengan sempurna agar boleh digunakan dalam tempoh masa panjang. Ia merupakan alat penting memperoleh pendapatan sebagai seorang nelayan," katanya.



Rosli (kanan) dan tetamu ketawa mendengar Abdullah (tengah) bergurau senda selepas menerima enjin bot baru di pekarangan rumahnya di Kampung Sri Pantai, Penaga, semalam.